



UPAH BEKAM DAN KADARNYA: TINJAUAN DARIPADA PERSPEKTIF HADIS

Amiruddin Mohd Sobali, Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail, Zulhilmi Mohamed Nor

Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

Bekam atau *hijamah* adalah salah satu bentuk perubatan nabawi yang diketahui umum dan mula diamalkan oleh mereka yang mengambil berat tentang kesihatan. Lantaran itu, banyak pusat-pusat bekam dibuka dan menawarkan khidmat bekam dengan pelbagai pakej berdasarkan jenis penyakit. Bagi meyakinkan orang awam mengenai kebaikan dan manfaat bekam, pusat-pusat rawatan bekam ini menyajikan beberapa hadis yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. Lebih dahsyat lagi, cas-cas yang dikenakan ke atas pesakit atau pelanggan yang datang untuk berbekam berbeza berdasarkan titik-titik bekam. Jika ia bertepatan dengan titik bekam yang dibuat oleh Rasulullah S.A.W. maka casnya lebih mahal dari titik bekam yang lain kerana ia dikatakan bekam sunnah. Benarkah dakwaan sedemikian? Justeru kajian kualitatif yang menggunakan metod analisa data ini akan mengumpul hadis-hadis berkenaan bekam sama ada dari sudut pensyariatan, kelebihan dan waktu-waktu dilarang berbekam. Kajian ini juga akan membawakan status hadis-hadis tersebut serta komentar para ulama terhadap hukum berbekam dan yang berkaitan untuk tatapan pembaca. Kajian ini mendapati bahawa dalam banyak hadis yang digunakan oleh jukubekam ini, ada adi antaranya yang sah dan sebahagiannya tidak benar. Manakala tiada satu pun pandangan ulama mengenai kadar upah bekam yang selari dengan titik bekam Rasulullah SAW. Hal ini penting agar masyarakat awam mengetahui realiti sebenar berkaitan nas-nas yang sering digunakan oleh pusat-pusat bekam yang terdapat di seluruh negara.

Kata kunci: *bekam, hadis, fadilat, pusat bekam, hijamah*

Article Progress

Received: 30 September 2018

Revised: 15 Oktober 2018

Accepted: 15 November 2018

*Corresponding Author:
Amiruddin Mohd Sobali,
Pensyarah Kanan,
*Fakulti Pengajian Quran
Sunnah, Universiti Sains Islam
Malaysia*
Email:
amiruddin@usim.edu.my

1. Pengenalan

Rawatan bekam atau yang dipanggil dalam bahasa Arab sebagai *hijamah* merupakan salah satu bentuk perubatan sunnah yang telah mendapat tempat dalam masyarakat dunia. Bekam menurut kamus Arab bermaksud rawatan mengeluarkan darah dari dalam badan.¹ Sebahagian ahli bahasa pula memberikan takrif bekam sebagai proses rawatan oleh seseorang terhadap orang lain dengan menggunakan alat khusus bertujuan mengeluarkan darah berlebihan di dalam badan.² Menurut ulama fiqh bekam bererti proses perubatan atau rawatan yang dilakukan oleh tukang bekam terhadap pesakit dengan alatan seperti cawan yang dilekap pada kulit seseorang mengikut titik atau tempat khusus di badan,³ lalu menyedut darah atau angin dengan daya yang kuat.⁴ Berdasarkan kajian Barat terhadap sejarah rawatan bekam, ia telah lama diamalkan sejak 1500 BC lagi dan menjadi bentuk pengubatan utama oleh tamadun purba Mesir, Timur Tengah dan China. Malah menurut Ebers Papyrus yang merupakan salah sebuah buku teks perubatan bertua di dunia, rawatan bekam telah digunakan oleh orang-orang Mesir purba sejak 1550 BC.⁵

¹ Al-Razi. Muhammad Abu Bakr. Mukhtar al-Sihah. Al-Maktabat al-Asriyyah. Beirut. 1420H. cet 2. Hlm 67.

² Abdul Hamid. Ahmad Mukhtar et.all. *Mu'jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Mu'asarah*. Alam al-Kutub. Cairo. 1429H. cet 1. Jld 1. Hlm 450.

³ Abu Habib. Sa'di. *Al-Qamus al-Fiqhi*. Dar al-Fikr. Beirut. 1408H. Cet 2. Hlm 78.

⁴ Al-Ihsan. Muhammad Amim. Al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut. 1424H. cet 1. Hlm 77.

⁵ <https://www.webmd.com/balance/guide/cupping-therapy#1>



Dari info di atas, terbukti bahawa bekam bukanlah rawatan yang baru tetapi ia telah menjadi pilihan rawatan masyarakat dunia sejak ribuan tahun lamanya. Lalu apabila umat manusia melalui zaman kehidupan Rasulullah SAW, sekali lagi rawatan ini disebut oleh Baginda SAW dalam beberapa hadis sebagai rawatan perubatan. Hadis-hadis diriwayatkan dari satu generasi kepada kepada satu generasi dan seterusnya ia sampai kepada umat hari ini. Ia sering digunakan oleh kebanyakan jurubekam untuk meyakinkan orang ramai tentang kemujaraban bekam yang dikatakan mampu menyembuhkan pelbagai penyakit.

2. Permasalahan Kajian

Umum mengetahui bahawa rawatan bekam merupakan salah satu bentuk pengubatan yang digunakan sejak sekian lama. Terdapat banyak hadis Rasulullah SAW menunjukkan pensyariatannya, titik-titik bekam pada badan Rasulullah SAW serta kebaikan rawatan tersebut seperti yang direkodkan dalam kitab-kitab hadis. Hadis-hadis ini seringkali dijadikan tarikan utama pusat-pusat bekam mahupun jurubekam yang bergerak secara solo. Namun, sebalik nas-nas ini timbul tanda tanya mengenai status hadis yang digunakan sebagai hujah. Lebih dari itu, cas lebih dikenakan kepada pelanggan sekiranya titik bekam yang diminta itu sama seperti titik bekam Rasulullah SAW. Benarkah agama mengizinkan hal sedemikian? Kajian ini memfokus kepada kajian terhadap status hadis-hadis berkaitan dengan bekam serta ulasan ulama berkenaan upah bekam yang turut disebut di dalam beberapa hadis.

3. Hadis-Hadis Tentang Bekam dan Kajian Terhadap Statusnya

Di bawah bab ini, kajian memfokuskan kepada beberapa pecahan hadis yang semuanya tertumpu kepada isu bekam. Pembahagian ini adalah seperti hadis pensyariatan bekam, hadis kelebihan bekam, hadis waktu khusus anjuran dan larangan berbekam, hadis titik bekam serta hadis mengenakan upah bekam.

Pensyariatan Bekam

Bekam disyariatkan pengubatannya berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dari Ibnu Abbas radhiAllahu ‘anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مَرْزُتُ لَيْلَةً أُسْرِيَ بِي، إِلَّا كُلُّهُمْ يَقُولُ لِي: عَلَيْكَ، يَا مُحَمَّدُ بِالْحِجَامَةِ

Maksudnya: *tidaklah aku melalui (sekumpulan) malaikat pada malam aku diperjalankan (dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa) kecuali mereka berkata kepadaku: "hendaklah kamu wahai Muhammad berbekam"*⁶ hadis riwayat Ibnu Majah.⁶

Kata al-Munawi pensyariatan bekam itu adalah kerana manfaatnya yang besar pada badan manusia iaitu dengan dikeluarkan sejumlah darah panas yang terdapat di dalam badan.⁷ Oleh itu saranan berbekam daripada sekumpulan malaikat itu adalah agar Rasulullah SAW melaziminya dan menggalakkan umat baginda untuk berubat dengannya kerana manfaat dan kebaikan rawatan tersebut.⁸ Kata-kata sekumpulan malaikat ini juga menunjukkan bahawa mereka mengetahui apa yang terbaik untuk umat manusia gunakan sebagai ubat. Hal ini adalah kerana Allah SWT

⁶ Ibnu Majah. Sunan Ibnu Majah. Kitab al-Tibb. Bab fi al-Hijamah. Nombor 3477. Dinilai sahih oleh al-Albani.

⁷ Al-Munawi. Abdul Rauf Tajuddin. 1356H. *Faidh al-Qadir Syarah al-Jami' al-Saghir*. Al-Maktabat al-Tijariyyah. Mesir. Jld 5. Hlm 465.

⁸ Al-Munawi. Abdul Rauf Tajuddin. 1408H. *Al-Taysir bi Syarah al-Jami' al-Saghir*. Maktabat al-Imam al-Syafie. Riyadh. Jld 1. Hlm 533.



mengkhabarkannya kepada para malaikat-Nya, dan mereka tidak sama sekali mengetahui apa-apa kecuali sesuatu yang Allah beritahu.⁹

Selain daripada hadis di atas, terdapat sebuah lagi yang menjelaskan bahawa rawatan bekam adalah bentuk perubatan yang terbaik untuk manusia. Hal ini disabdakan oleh Rasulullah SAW;

إِنَّ أَفْضَلَ مَا تَدَأْوِيْتُمْ بِهِ الْحِجَامَةُ، أَوْ «هُوَ مِنْ أَمْثَلِ دَوَائِكُمْ

Maksudnya: *sesungguhnya (di antara) sebaik-baik (ubat) yang kamu berubat dengannya ialah berbekam (atau) ia adalah antara sebaik-baik ubat kamu.* Hadis riwayat Muslim.¹⁰

Para ulama berpendapat bahawa hadis menunjukkan bahawa berbekam itu secara amnya adalah bentuk pengubatan untuk manusia. Menurut al-Tabari, perintah dari baginda SAW ini menjelaskan ia adalah suatu yang dianjurkan dan bukan sesuatu yang wajib diikuti. Galakan ini adalah kerana kebaikan yang terdapat pada rawatan bekam tersebut dengan mengeluarkan darah yang boleh memberi mudarat pada badan seseorang.¹¹ Tambah ulama lagi hadis ini menjadi dalil keharusan berbekam serta galakkan untuk berubat dengannya terutamanya bagi mereka yang memerlukan.¹²

Kelebihan Berbekam

Bericara tentang kelebihan dan fadilat berbekam, terdapat beberapa hadis yang sering digunakan oleh jurubekam untuk menarik perhatian masyarakat awam. Hadis-hadis seumpama ini dikongsikan di laman sesawang, blog dan media sosial untuk tatapan umum. Berikut adalah antara hadis yang menjadi hujah para jurubekam;

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْشَّقَاءُ فِي ثَلَاثَةِ: فِي شَرْطَةِ مُحْجَمٍ، أَوْ شَرْبَةِ عَسْلٍ، أَوْ كَيْةٍ بِنَارٍ، وَأَنَا أَهْمَى أُمْتَيْ عَنِ الْكَيْ

Maksudnya: *dari Ibnu Abbas dari Nabi SAW bersabda: ubat itu ada pada tiga rawatan (iaitu) torehan bekam (untuk lukakan titik bekam), minum madu dan mengenakan besi panas (pada tempat luka), dan aku milarang umatku dari mengenakan besi panas.* Hadis riwayat al-Bukhari.¹³

إِنَّ أَفْضَلَ مَا تَدَأْوِيْتُمْ بِهِ الْحِجَامَةُ، أَوْ «هُوَ مِنْ أَمْثَلِ دَوَائِكُمْ

Maksudnya: *sesungguhnya (di antara) sebaik-baik (ubat) yang kamu berubat dengannya ialah berbekam (atau) ia adalah antara sebaik-baik ubat kamu.* Hadis riwayat Muslim.¹⁴

⁹ Al-San'ani. Muhammad Ismail. 1432H. *Al-Tanwir Syarah al-Jami' al-Saghir*. Dar al-Salam. Riyadh. Jld 9. Hlm 303.

¹⁰ Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Musaqaah. Bab fi Hilli Ujrat al-Hijamah. Nombor 1577.

¹¹ Ibnu Battal. Ali Khalaf Abdul Malik. 1423H. *Syarah Sahih al-Bukhari li Ibni Battal*. Maktabat al-Rusyd. Arab Saudi. Jld. 9. Hlm. 400.

¹² Ibnu Hajar al-'Asqalani. Ahmad Ali. *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. Dar al-Salam. Riyadh. 1425H. cet 3. Jld 10. Hlm 150.

¹³ Al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Tibb. Bab al-Syifa' fi Thalath. Nombor 5681.

¹⁴ Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Musaqaah. Bab fi Hilli Ujrat al-Hijamah. Nombor 1577.

4. Titik Bekam

Terdapat beberapa hadis yang sering digunakan oleh jurubekam berkenaan dengan titik atau tempat bekam pada tubuh Rasulullah SAW. Hadis-hadis seumpama ini menjadi hujah sebahagian jurubekam dengan mengatakan berbekam pada titik-titik tersebut adalah sunnah manakala berbekam pada lain-lain tempat pula tidak mendapat pahala sunnah. Cas yang dikenakan juga berbeza iaitu bekam pada titik yang dikatakan sunnah ini jauh lebih mahal daripada titik bekam yang tidak sunnah. Berikut adalah hadis-hadis tentang titik bekam Rasulullah SAW;

1. Bahagian pertemuan antara tulang kepala dan tulang belakang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ أَبَا هِنْدِ، حَجَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْيَافُوخِ

Maksudnya: *dari Abu Hurairah radhiallahu 'anhu sesungguhnya Abu Hind telah membekam Nabi SAW di bahagian pertemuan antara tulang kepala dan tulang belakang. Hadis riwayat Abu Daud.*¹⁵

2. Bawah tenguk dan kedua-dua tepi leher

عَنْ أَنَسٍ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَحْتَجِمُ ثَلَاثًا: وَاحِدَةً عَلَى كَاهِلِهِ، وَأَنْتَيْنِ عَلَى الْأَخْدَعَيْنِ

Maksudnya: *dari Anas berkata: Rasulullah SAW pernah berbekam tiga kali, iaitu sekali di bawah tenguk (antara kedua bahu) dan dua kali di tepi kedua-dua leher. Hadis riwayat Ahmad.*¹⁶

3. Kepala dan antara dua bahu

عَنْ أَبِي كَبِشَةَ الْأَنْمَارِيِّ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ يَحْتَجِمُ عَلَى هَامِتِهِ، وَبَيْنَ كَتْفَيْهِ

Maksudnya: *dari Abu Kabsyah al-Anmari sesungguhnya Nabi SAW berbekam di kepala dan antara kedua bahunya. Hadis riwayat Ibnu Majah*¹⁷

4. Kaki

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَهُوَ مُحْرِمٌ عَلَى ظَهْرِ الْقَدْمِ مِنْ وَثْءِ كَانَ بِهِ

Maksudnya: *dari Anas sesungguhnya Nabi SAW berbekam di bahagian atas kaki dalam keadaan memakai kain ihram akibat kesakitan yang dialami. Hadis riwayat al-Nasaie.*¹⁸

5. Pinggang

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ عَلَى وَرْكِهِ، مِنْ وَثْءِ كَانَ بِهِ عَنْ جَابِرٍ

¹⁵ Abu Daud. Sunan Abu Daud. Kitab al-Nikah. Bab fi al-Akfa'. Nombor 2102. Dinilai sahih oleh al-Albani.

¹⁶ Ahmad. Musnad Imam Ahmad. Ahadis Anas bin Malik. Nombor 13001. Sanadnya sahih menurut Syuaib al-Arnaut.

¹⁷ Ibnu Majah. Sunan Ibnu Majah. Kitab al-Tibb. Bab Maudi' al-Hijamat. Nombor 3484. Dinilai sahih oleh al-Albani.

¹⁸ Al-Nasaie. Sunan Al-Nasaie. Kitab Manasik al-Hajj. Bab Hijamat al-Muhrim 'ala Zahr al-Qadm. Nombor 2849. Dinilai sahih oleh al-Albani.



Maksudnya: *dari Jabir sesungguhnya Rasulullah SAW berbekam di pinggang baginda SAW akibat kesakitan yang dialami. Hadis riwayat Abu Daud.*¹⁹

5. Waktu Khusus Anjuran dan Larangan Berbekam

Terdapat beberapa hadis berkenaan dengan waktu berbekam. Secara keseluruhannya kajian mendapati hadis-hadis ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu hadis yang menggalakkan berbekam pada hari atau tarikh tertentu dan hadis yang menegah berbekam pada waktu tertentu.

5.1 Hadis dan athar anjuran berbekam pada tarikh 17, 19 atau 21 haribulan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ احْتَجَمَ لِسَبْعَ عَشْرَةَ، وَتِسْعَ عَشْرَةَ، وَإِحدَى وَعِشْرِينَ، كَانَ شِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ

Maksudnya: *dari Abu Hurairah berkata: Rasulullah SAW bersabda: sesiapa yang berbekam pada tarikh tujuh belas, sembilan belas dan dua puluh satu hari bulan, maka itu adalah ubat untuk semua penyakit. Hadis riwayat Abu Daud.*²⁰

عَنْ أَبْنَابِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ خَيْرَ مَا تَحْتَجِمُونَ فِيهِ يَوْمَ سَبْعَ عَشْرَةَ وَيَوْمَ تِسْعَ عَشْرَةَ وَيَوْمَ إِحدَى وَعِشْرِينَ

Maksudnya: *dari Ibnu Abbas berkata: Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya sebaik-baik waktu untuk kamu berbekam ialah pada tarikh tujuh belas, sembilan belas dan dua puluh satu hari bulan. Hadis riwayat Al-Tirmizi.*²¹

عَنْ أَنَسِّ، قَالَ: كَانَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَحْتَجِجُونَ لِوَتْرِ مِنَ الشَّهْرِ

Maksudnya: *dari Anas berkata: sahabat-sahabat Rasulullah SAW berbekam pada hari ganjil dalam sesuatu bulan.*²²

¹⁹ Abu Daud. Sunan Abu Daud. Kitab al-Tibb. Bab Mata Tustahabbu al-Hijamah. Nombor 3863. Dinilai saih oleh al-Albani.

²⁰ Abu Daud. Sunan Abu Daud. Kitab al-Tibb. Bab Mata Tustahabbu al-Hijamah. Nombor 3861. Dinilai hasan oleh al-Albani.

²¹ Al-Tirmizi. Jami' al-Tirmizi. Kitab al-Tibb. Bab Ma Jaa fi al-Hijamah. Nombor 2053. Dinilai hasan gharib oleh al-Tirmizi.

²² Al-Tabari. Muhammad bin Jarir. T.t. Tahzib al-Athar. Matba'at al-Madani. Kaherah. Musnad Abdullah bin Abbas. Nombor 821. Jld 1. Hlm 520.

5.2 Hadis larangan berbekam pada hari Rabu, Jumaat dan Sabtu

عَنْ الزُّهْرِيِّ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ احْتَجَمَ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ وَيَوْمَ السَّبْتِ فَأَصَابَهُ وَضَعْ فَلَا يَلُومُنَّ إِلَّا نَفْسُهُ

Maksudnya: *dari al-Zuhri berkata: sesungguhnya Nabi SAW bersabda: sesiapa berbekam pada hari Rabu dan Sabtu lalu ditimpa penyakit tompokan putih (pada kulitnya), maka janganlah sesekali dia menyalahkan sesiapa kecuali dirinya. Hadis riwayat Abu Daud.*²³

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ فِي الْجُمُعَةِ سَاعَةً لَا يَحْتَجِمُ فِيهَا مُحْتَجِمٌ إِلَّا عَرَضَ لَهُ دَاءٌ لَا يُشْفَى مِنْهُ

Maksudnya: *dari Ibnu Umar dari Nabi SAW bersabda: sesungguhnya pada hari Jumaat terdapat satu waktu, tidaklah seseorang itu berbekam pada waktu itu kecuali ditimpa penyakit yang tiada ubat untuknya. Hadis riwayat al-Baihaqi.*²⁴

6. Upah Bekam

Terdapat beberapa hadis tentang memberi dan mencela upah bekam yang diterima oleh tukang bekam, antaranya adalah seperti di bawah;

Hadis Rasulullah SAW berbekam dan memberi upah

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: احْتَجَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَعْطَى النَّذِيْرَ حَجَّمَهُ، وَلَوْ كَانَ حَرَاماً لَمْ يُعْطِهِ

Maksudnya: dari Ibnu Abbas r.a. berkata: “Nabi SAW berbekam dan memberikan upah kepada orang yang membekam baginda SAW. Jika upah itu haram pasti Nabi SAW tidak memberinya”²⁵

Hadis menyebut upah bekam secara khusus

قَالَ عَلِيٌّ: احْتَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ قَالَ لِلْحَاجِمَ حِينَ فَرَغَ: ((كَمْ خَرَاجُكَ؟)) قَالَ: صَاعَانِ. فَوَضَعَ عَنْهُ صَاعَانِ وَأَمْرَنِي فَأَعْطَيْتُهُ صَاعَانِ

²³ Abu Daud. Al-Marasil. Kitab al-Taharah. Bab fi al-Tibb. Nombor 451. Kata Abu Daud: diriwayatkan dan tidak sahih.

²⁴ Al-Baihaqi. Al-Sunan al-Kubra. Kitab al-Dahaya. Bab Kasb al-Hajjam. Nombor 19541. Hadis ini daif kerana dalam sanadnya terdapat seorang perawi daif bernama Attaf bin Khalid. Lihat: al-Baihaqi. Ahmad bin al-Husain. 1424H .*Al-Sunan al-Kubra*. Tahqiq Muhammad Abdul Qadir Ata. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut. jld 9. Hlm 573. Hadis ini dari jalur al-Zuhri dan di dalam sanadnya terdapat seorang perawi daif bernama Sulaiman bin Arqam. Lihat: al-Baihaqi. Ahmad bin al-Husain. 1412H. *Ma'rifat al-Sunan wa al-Aثار*. Tahqiq Abdul Mu'ti Amin Qala'ji. Dar al-Qutaibah. Beirut. jld 14. Hlm 118.

²⁵ Al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Buyu'. Bab Zikr al-Hajjam. Nombor 2103.



Maksudnya: kata Ali: Rasulullah SAW berbekam lalu bertanya kepada pembekam setelah selesai: “berapa upahmu?” jawabnya: “dua so’ (sejenis kuantiti makanan). Maka baginda SAW memberinya satu so’ dan memerintahkanku memberikan kepada pembekam itu satu so’ lagi.²⁶

Hadis mencela upah hasil daripada bekam

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ عُقْبَةَ بْنِ عَمْرِو، قَالَ: نَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كَسْبِ الْحَجَّامِ

Maksudnya: dari Abu Mas’ud Uqbah bin Amru berkata: Rasulullah SAW melarang dari (memakan) upah bekam.²⁷

عَنْ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ، رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ثَمَنُ الْكَلْبِ حَيْثُ، وَمَهْرُ الْبَغْيِ حَيْثُ، وَكَسْبُ الْحَجَّامِ حَيْثُ

Maksudnya: dari Rafi’ bin Khadij Rasulullah SAW bersabda: harga (hasil bermiaga) anjing itu jijik, mahar (upah) pelacur itu jijik dan upah (yang diterima) pembekam itu jijik.²⁸

Penetapan Upah Bekam

Berdasarkan perbincangan para tokoh Islam di atas, hukum hanya berkisar tentang status upah yang diambil sama ada harus atau makruh. Adapun, berkenaan dengan penetapan upah sama ada cas yang tinggi jika bertepatan dengan titik bekam Rasulullah SAW atau sebaliknya, pengkaji cenderung kepada pandangan Ibnu Qudamah yang membenarkan mengambil upah bekam kerana mengambil kira kos sewaan premis dan alatan bekam seperti jarum dan ubat-ubatan.²⁹

Namun penetapan cas yang lebih mahal semata-mata kerana titik bekam itu selari dengan titik bekam yang dilakukan oleh Baginda SAW adalah suatu yang perlu dihentikan. Ini kerana Rasulullah SAW berbekam di sesuatu tempat berdasarkan keperluan dan sakit tertentu. Sunnahnya berbekam itu terletak pada keperluannya, bukan pada titik yang selari dengan titik bekam Baginda SAW. Apatah lagi tiada seorang imam mazhab pun yang mengulas tentang kadar cas bekam yang berbeza mengikut titik bekam Rasulullah SAW di dalam perbincangan mereka mengenai hijamah. Kadar upah yang dikenakan haruslah sesuai dengan keperluan semasa termasuk sewa premis dan kos peralatan serta tidak membebankan pesakit.

Dapatkan Kajian

1. Berkenaan dengan hadis pensyariatan bekam, kajian mendapati periwayatannya sahih daripada Rasulullah SAW. Tetapi perlu diingat bahawa pensyariatannya bukanlah menunjukkan ia perubatan Islam pertama di zaman Rasulullah SAW tetapi untuk membuktikan pengiktirafan Islam terhadap bekam yang telah dipraktikkan sejak sekian lama kerana kebaikannya.
2. Kajian turut mendapati hadis-hadis tentang kelebihan bekam juga sahih kerana diriwayat oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kitab sahih mereka.

²⁶ Ahmad bin Hanbal. Al-Musnad. Musnad Ali. Nombor 1136. Dinilai sahih oleh Syuaib al-Arnaut.

²⁷ Ibnu Majah. Sunan Ibni Majah. Kitab al-Tijarat. Bab Kasb al-Hajjam. Nombor 2165. Dinilai sahih oleh al-Albani.

²⁸ Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Musaqat. Bab Tahrim Thaman al-Kalb wa Hulwan al-Kahin wa Mahr al-Baghiyy wa al-Nahy ‘an Bay’ al-Sinnawr. Nombor 1568.

²⁹ ibnu Qudamah al-Maqdisiyy. Abdullah bin Ahmad. 1388H. Al-Mughniyy. Maktabat al-Qahirah. Kaherah. Jil 5. Hlm 399.



3. Titik atau tempat bekam di badan yang didakwa sunnah juga didapati sahih seperti yang dinilai oleh para tokoh hadis kontemporari seperti Syaikh al-Albani dan Syaikh Syuib al-Arnaut.
4. Kajian merumuskan waktu berbekam menurut hadis yang sahih adalah pada 17, 19 atau 21 haribulan hijriyah. Ini berdasarkan hadis-hadis riwayat Abu Daud dan Tirmizi. Adapun hadis-hadis larangan berbekam pada hari atau waktu tertentu seperti hari Rabu, Jumaat dan Sabtu serta waktu malam, maka tiada satu pun daripadanya yang sahih. Menurut Ibnu Hajar al-'Asqalaniyyi tiada sebarang hadis yang thabit tentang waktu tertentu untuk berbekam. Ia dilakukan berdasarkan keperluan seseorang itu tanpa mengira waktu.³⁰ Kata al-Nawawi: "apa yang jelas bahawa tiada satu nas pun yang sahih tentang larangan berbekam pada hari tertentu".³¹
5. Para ulama berbeza pendapat tentang hukum upah bekam yang diterima. Pendapat pertama adalah harus. Ini pandangan Ibnu Abbas, Malik, Syafie dan Ibnu Qudamah al-Hambali *rahimahumullah*. Mereka berpegang dengan hadis dari Ali bin Abu Talib bahawa Rasulullah SAW berbekam dan memberi upah dua *so'* makanan kepada pembekam, serta athar dari Ibnu Abbas yang menyebut jika upah bekam itu haram pasti baginda SAW tidak memberinya kepada pembekam tersebut. Manakala pendapat kedua pula ialah makruh dan ia majoriti. Ia pendapat Uthman, Abu Hurairah, al-Hasan al-Basri, al-Nakha'ie, al-Qadi Abu Ya'la al-Hanbali. Imam Ahmad berkata bahawa baginda SAW memberi upah bekam itu tanpa bermaksud sebagai sumber rezeki untuk pembekam tersebut.³² Al-Nawawi menyatakan larangan makruh itu adalah untuk menghindari rezeki yang tidak terpuji malah menganjurkan umat memupuk akhlak mulia dan ketinggian maruah.³³ Al-Munawi menjelaskan bahawa celaan terhadap hasil jualan anjing dan upah yang diterima oleh pelacur seperti yang disebut dalam hadis adalah haram. Manakala celaan terhadap upah bekam itu makruh dan bukan haram.³⁴ Pengkaji cenderung kepada hukum harus tukang bekam menerima upah bekam sekiranya tiada yang melakukannya secara percuma, apa lagi jika melibatkan kos sewaan premis dan alatan. Namun cas yang dikenakan mestilah tidak membebankan mereka yang memerlukan khidmat bekam.

Kepentingannya Terhadap Naqli dan Aqli

Berdasarkan dapatan kajian di atas, beberapa aspek utama dapat diterap dalam kehidupan umat seperti;

1. Menambah pengetahuan umat bahawa bekam ialah bentuk perubatan yang digunakan sebelum kedatangan Islam ke Tanah Arab lagi. Penurunan wahyu (naqli) pula mengiktiraf perubatan ini kerana manfaatnya kepada pesakit.
2. Membuka ruang penerokaan ilmiah untuk umat Islam berkenaan waktu berbekam berdasarkan hadis yang sahih iaitu pada 17, 19 atau 21 haribulan hijriyah. Waktu ini bertepatan dengan minggu ketiga pada setiap bulan. Kajian yang menggabungkan hadis dan aspek kesihatan badan pada dibekam pada waktu-waktu ini perlu dijalankan agar manfaatnya bersama.
3. Mengambil berat mengenai soal upah bekam oleh umat Islam yang menjadikan bekam sebagai sumber pendapatan. Sekalipun minoriti ulama melihatnya harus dan tidak makruh, tetapi pandangan jumur yang memakruhkan upah bekam itu juga perlu diberi perhatian.

³⁰ Ibnu Hajar. Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalaniyyi. 1379H. *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. Dar al-Ma'rifah. Beirut. Jil 10. Hlm 149.

³¹ Al-Nawawi. Yahya bin Syaraf. 1420H. *al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*. Dar al-Fikr. Beirut. Jil 9. Hlm 62.

³² Ibnu Qudamah al-Maqdisiyy. Abdullah bin Ahmad. 1388H. *al-Mughniyy*. Maktabat al-Qahirah. Jil 5. Hlm 399.

³³ Al-Nawawi. Yahya bin Syaraf. 1392H. *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin Hajjaj*. Jil 10. Hlm 233.

³⁴ Al-Munawi. Abdul Rauf. 1356H. *Faidh al-Qadir*. Al-Maktabat al-Tijariyyah al-Kubra. Kaherah. Jil 4. Hlm 159.



Apatah lagi terdapat pihak pembekam yang mengenakan cas melampau pada titik-titik bekam yang Rasulullah SAW berbekam padanya. Mereka mendakwa berbekam pada titik-titik tersebut adalah sunnah, walhal ia dibuat berdasarkan keperluan, bukan spesifik ia sunnah dan titik lain tidak sunnah. Cas mahal yang dikenakan pula membebankan orang ramai selain merendahkan maruah para pembekam. Mereka boleh mengenakan cas yang tidak membebankan, sekadar mencukupi kos rawatan dan memenuhi keperluan umat.

Kesimpulan

Terdapat banyak hadis yang bersangkut paut dengan bekam sama ada pensyariatan, kelebihan, waktu berbekam, titik bekam dan upah yang diberikan kepada pembekam. Namun, perlu diperhatikan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diperhatikan tentang perubatan bekam ini terutamanya pembekam dan orang awam yang mahu berbekam. Amalan perubatan ini bukanlah kali pertama diperkenalkan sebagai perubatan sunnah di zaman Rasulullah SAW tetapi ia diamalkan sejak zaman sebelum itu lagi. Kajian mengenai waktu digalakkan dan larangan berbekam pula banyak yang tidak benar melainkan satu sahaja iaitu pada 17, 19 atau 21 haribulan hijrah. Bekam sebenarnya diamalkan apabila diperlukan tanpa mengira hari dan masa. Titik-titik bekam yang diriwayatkan dalam hadis-hadis yang sahih pula menunjukkan ia bukanlah sunnah yang mesti diteladani oleh umat tetapi kerana keperluan Rasulullah SAW berbekam di tempat-tempat yang sakit pada badan baginda SAW. Dan menutup perbincangan dalam kajian ini adalah mengenai hukum upah bekam yang diterima. Ia terbahagi kepada harus dan makruh. Maka sesiapa yang menjaga maruah diri dan mencari keberkatan serta kemuliaan dalam rezeki, nasihat terbaik untuk mereka adalah dengan tidak mengenakan bayaran untuk bekam yang dipraktikkan kecuali untuk kos alatan. Diharap agar kajian ringkas ini memberi kesedaran dan kefahaman kepada umat tentang persepsi mereka mengenai bekam dan hadis yang berkaitan dengannya.

RUJUKAN

1. Abdul Hamid. Ahmad Mukhtar et.al. (1429H). “Mu’jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Mu’asarah”. Alam al-Kutub. Cairo.
2. Abu Daud. Sulaiman bin al-Asy’ath. (1390H). “Sunan Abu Daud”. Dar al-Fikr. Beirut.
3. Abu Habib. Sa’di. (1408H). “Al-Qamus al-Fiqhi”. Dar al-Fikr. Beirut.
4. Ahmad. Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. (1416H). “al-Musnad”. Dar al-Hadith. Kaherah.
5. Al-Baihaqi. Ahmad bin al-Husain. (1424H). “Al-Sunan al-Kubra.” Tahqiq Muhammad Abdul Qadir Ata. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.
6. _____, (1412H). “Ma’rifat al-Sunan wa al-Athar”. Tahqiq Abdul Mu’ti Amin Qala’ji. Dar al-Qutaibah. Beirut.
7. Al-Bukhari. Muhammad Ismail. (1424H). “Sahih al-Bukhari”. Muassasat al-Risalah. Beirut.
9. Al-Ihsan. Muhammad Amin. (1424H). “Al-Ta’rifat al-Fiqhiyyah”. Dar al-Qalam. Beirut.
10. Al-Munawi. Abdul Rauf Tajuddin. (1408H). “Al-Taysir bi Syarah al-Jami’ al-Saghir”. Maktabat al-Imam al-Syafie. Riyadh.
11. _____, Abdul Rauf. 1356H. Faidh al-Qadir. Al-Maktabat al-Kubra. Kaherah.
12. Al-Nasaie. Ahmad bin Syu’ab. (1406H). “Al-Mujtaba min al-Sunan”. Tahqiq Abdil Fattah Abu Ghuddah. Maktab al-Matbu’at al-Islamiyyah. Halab.
13. Al-Razi. Muhammad Abu Bakr. (1420H). “Mukhtar al-Sihah”. Dar al-Fikr. Beirut.
14. Al-San’ani. Muhammad Ismail. (1432H). “Al-Tanwir Syarah al-Jami’ al-Saghir”. Dar al Salam. Riyadh.
15. Al-Tabari. Muhammad bin Jarir. (1419H). “Tahzib al-Athar”. Matba’at al-Madani. Kaherah.
16. Al-Tirmizi. Muhammad bin Isa. (1395H). “Sunan al-Tirmizi”. Dar al-Syuruq. Kaherah.
17. Ibnu Battal. Ali Khalaf Abdul Malik. (1423H). “Syarah Sahih al-Bukhari li Ibni Battal”. Maktabat al-Rusyd. Arab Saudi.
18. Ibnu Hajar al-‘Asqalani. Ahmad Ali. (1425H). Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari. Dar al-Salam. Riyadh.
19. Ibnu Majah. Muhammd bin Yazid. (1430H). “Sunan Ibnu Majah”. Dar al-Nahdah. Beirut.
20. Muslim. Muslim bin Hajjaj. (1420H). “Sahih Muslim”. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.
21. Al-Nawawi. Yahya bin Syaraf. 1420H. al-Majmu’ Syarah al-Muhazzab. Dar al-Fikr. Beirut.
22. Ibnu Qudamah al-Maqdisiyy. Abdullah bin Ahmad. (1388H). “Al-Mughniy”. Maktabat al-Qahirah.



23. Al-Nawawi. Yahya bin Syaraf. (1392H). Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin Hajjaj. Muassasat al-Risalah. Beirut.
24. Sobali, Amiruddin Mohd. "التحفیز فی السنۃ النبویة رغبة ورہبۃ انواعہ ودلائل رحمتہ للأمۃ". (2016).
25. <https://www.webmd.com/balance/guide/cupping-therapy#1>